

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

YMP 304/6 - Kewartawanan II

Masa: 3 jam

---

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. Huraikan EMPAT (4) daripada konsep-konsep berikut yang berkaitan dengan sosiologi persuratkhabaran:

- a. pemilikan dan kawalan
- b. penakrif-penakrif kedua
- c. "pelenyapan simbolik" (symbolic annihilation) terhadap wanita
- d. ideologi
- e. "pelabelan" (labelling)

(40 markah)

2. Penakrif-penakrif utama dikatakan mempunyai peranan penting dalam membantu membentuk agenda (berita) sesebuah bilik berita. Bincang dengan mengambilkira pengalaman anda dalam *Berita Kampus*.

(30 markah)

3. Bagaimanakah hubungan antara "negara" (State) dan akhbar boleh mempengaruhi perjalanan akhbar dalam sesebuah masyarakat? Perbincangan anda hendaklah mengambil Malaysia sebagai contoh.

(30 markah)

4. Akhbar yang mempunyai edaran yang luas lagi stabil mendapat sokongan yang kuat daripada syarikat atau firma melalui kegiatan pengiklanan. Apakah implikasi keadaan ini terhadap corak dan jenis pemberitaan, dan juga terhadap perspektif pemikir pluralis tentang akhbar, khususnya, dan media lain, umumnya?

(30 markah)

5. Sejauh manakah undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Rahsia-Rahsia Rasmi dapat menjaga "kepentingan negara"? Kaitkan jawapan dengan konsep-konsep demokrasi dan pertanggungjawapan awam (public accountability).

(30 markah)